



**SUSULAN LAPORAN KHAS PUSAT PERKELAHAN TERBIAR**



Kemudahan yang **tidak diselenggara** di Hutan Lipur Lenggeng, Seremban.

[FOTO IQMAL HAQIM ROSMAN/BH]

BH 23/9/14 MS20

# Kemudahan rosak punca tiada pengunjung



## » Jabatan Perhutanan negeri laksana kerja baik pulih dengan segera

Oleh Tuty Haryanti  
Ahmad Rodzi  
tuty@bh.com.my

► Nilai

Lokasinya yang hanya 24 kilometer dari Kajang, Selangor, pernah membuatkan Hutan Lipur Lenggeng, di sini, terkenal sebagai destinasi riadah dalam kalangan pengunjung dari Lembah Klang.

Bagaimanapun, sejak tiga tahun lalu, hutan lipur yang terletak dalam kawasan Hutan Simpan Lenggeng itu semakin suram dengan kehadiran pengunjung yang semakin berkurangan.

Tinjauan BH baru-baru ini, mendapati kawasan itu seolah-olah tidak dipedulikan dan terabai.

Pelbagai kemudahannya seperti tandas didapati tidak terurus, malah tarikan utamanya iaitu dua kolam mandi, termasuk untuk kanak-kanak, kering dan dipenuhi pasir sehingga tidak dapat digunakan.

Kawasan taman permainan kanak-kanak yang rosak turut dinaiki rumput panjang, walaupun Jabatan Perhutanan dikatakan melakukan kerja pembersihan kawasan itu secara berkala setiap minggu.

### Kurang pengunjung

Pengunjung tetap, Zamran Othman, 45, berkata dia sering membawa dua anaknya berusia sembilan dan 12 tahun ke situ sejak beberapa tahun lalu, walaupun kini yang tinggal hanya air terjun kecil dan aliran anak sungai.

Katanya, beberapa tahun lalu, kawasan itu sering dibanjiri pengunjung yang berkelah bersama keluarga dan rakan setiap


“  
Faktor utama adalah kerana keadaan kolam mandi yang mengalami masalah mendapan pasir dan tidak boleh digunakan”

Zamran Othman,  
Pengunjung tetap

hujung minggu.

“Namun, sejak tiga tahun lalu orang semakin kurang datang ke sini. Faktor utama adalah kerana keadaan kolam mandi yang mengalami masalah mendapan pasir dan tidak boleh digunakan.

“Ketiadaan pengunjung juga membuatkan kemudahan yang sudah dibaiki menjadi usang



Taman permainan kanak-kanak dan tong sampah yang rosak di Hutan Lipur Lenggeng, Seremban tidak dikunjungi orang ramai.

[FOTO IQMAL HAQIM ROSMAN/BH]

dan kelihatan tidak menarik,” katanya.

### Baiki secara berperingkat

Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan, Datuk Ahmad Fadzil Abdul Majid, berkata kerja penyelenggaraan dan baik pulih kemudahan, termasuk dewan, tandas dan benteng yang runtuh dilakukan secara berperingkat.

“Bagaimanapun, hutan lipur itu masih dalam proses penye-

lenggaraan dan kita akan memperbaiki kolam mandi serta taman permainan kanak-kanak dengan segera,” katanya.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan Negeri Sembilan, Tun Hairuddin Abu Bakar, berkata hanya Hutan Lipur Lenggeng yang masih dalam proses baik pulih, manakala hutan lipur lain di negeri ini tidak berdepan masalah dan terus menjadi tarikan pelancong.